

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2024/2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10173
MATEMATIK PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan : Jawab **SEMUA** soalan.

1. Antara berikut yang manakah persamaan untuk mengira untung? CLO1
T1
 - A Untung = Hasil - Kos
 - B Untung = Hasil + Kos
 - C Untung = Kos Tetap + Kos berubah
 - D Untung = Harga Jualan x Kuantiti

2. Berikut merupakan kos tetap **KECUALI**? CLO1
T1
 - A Sewa
 - B Insurans
 - C Hak Cipta
 - D Bahan Mentah

3. Pernyataan manakah yang berikut menjelaskan Titik Pulang Modal (TPM)? CLO1
T1
 - A Peniaga mengalami sedikit kerugian.
 - B Peniaga mendapat sedikit keuntungan.
 - C Peniaga tidak mendapat keuntungan dan tidak mengalami kerugian.
 - D Peniaga mendapat sedikit keuntungan dan tidak mengalami kerugian.

4. Syarikat Aman mengeluarkan pakaian sukan dengan kos berubah seunit CLO2
T1 sebanyak RM 30.00 dan kos tetap sebanyak RM 10,000.00. Tentukan jumlah kos jika pengeluaran sebanyak 100 unit.
 - A RM 10,000.00
 - B RM 13,000.00
 - C RM 15,000.00
 - D RM 20,000.00

5. Berdasarkan maklumat berikut:

CLO2

T1

Kos Tetap	RM 20,000.00
Kos Berubah Seunit	RM 14.50
Harga Jualan Seunit	RM 22.00
Kuantiti	4 000 unit

Berapakah jumlah hasil?

- A RM 20,000.00
- B RM 58,000.00
- C RM 88,000.00
- D RM 100,000.00

Soalan 6 dan 7 adalah berdasarkan maklumat berikut:

Perniagaan Pak Ali bercadang menjual produk kuih bangkit sebanyak 100 bungkus di Karnival Keusahawanan Tani.

Kos Tetap	RM 300.00
Kos Berubah Seunit	RM 5.00
Harga Jualan Seunit	RM 15.00

6. Kira margin caruman (MC) seunit.

CLO2

T1

- A RM 10.00
- B RM 20.00
- C RM 25.00
- D RM 50.00


7. Kira nisbah margin caruman (NMC) seunit.

CLO2

T1

- A 25.67%
- B 33.33 %
- C 63.33 %
- D 66.67 %

8.

CLO2T1

Rajah 1

Berapakah unit pengeluaran yang diperlukan bagi mencapai Titik Pulang Modal (TPM) dalam Rajah 1 di atas?

- A 250 unit
- B 300 unit
- C 500 unit
- D 750 unit

9. Apakah yang dimaksudkan dengan tokok harga?

CLO1T2

- A Nilai yang ditambah kepada kos barangan atau perkhidmatan.
- B Nilai yang dikurangkan oleh peniaga bagi menarik minat pembeli.
- C Nilai yang diturunkan kerana penurunan permintaan terhadap barang.
- D Nilai yang dikeluarkan oleh peniaga dalam menghasilkan sesuatu produk.

10. Berikut merupakan faktor yang menyebabkan peniaga menokok harga barangan **KECUALI**

CLO1T2

- A Kenaikan kos pengangkutan.
- B Barangan mendapat permintaan yang tinggi.
- C Kekurangan bekalan akibat barangan bermusim.
- D Barangan telah hampir tamat tempoh penggunaan.

11. Pasaraya Mini Rahmat telah membeli kurma pada harga RM 30.00 sekotak dan menjualnya semula pada harga RM 45.00 sekotak. Dapatkan nilai tokok harga berdasarkan kos yang diperolehi. CLO2
T2
- A** RM 15.00
B RM 20.00
C RM 25.00
D RM 45.00
12. Kirakan harga jualan runcit jika kos sebuah set kerusi sofa adalah RM 5,000.00 dan peratus tokok harga yang dikenakan adalah 10% berdasarkan kos. CLO2
T2
- A** RM 4,000.00
B RM 4,500.00
C RM 5,000.00
D RM 5,500.00
13. Peniagaan Bestari telah membeli sekotak kurma pada harga RM 10.00 dan menjual semula pada harga RM 24.00. Berapakah kadar tokok harga berdasarkan kos produk tersebut? CLO2
T2
- A** 100 %
B 140 %
C 200 %
D 240 %
14. Sebuah kerusi pada asalnya dijual pada harga RM 40.00 telah diturunkan harga dan dijual pada harga RM 32.00. Dapatkan nilai turun harga produk tersebut. CLO2
T2
- A** RM 5.00
B RM 8.00
C RM 10.00
D RM 30.00

15. Apakah yang dimaksudkan dengan Diskaun Tunai? CLO1
T3
- A Potongan harga yang diberikan selepas tempoh pembayaran tamat.
 - B Potongan harga yang diberikan untuk pembayaran menggunakan kad kredit.
 - C Potongan harga yang diberikan apabila pembelian dilakukan secara ansuran.
 - D Potongan harga yang diberikan apabila pembayaran dibuat dengan tunai dalam tempoh ditetapkan.
16. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang syarat kredit 5/10, n/30. CLO1
T3
- A Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 10% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 5 hari dari tarikh invoice.
 - B Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 10% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invoice.
 - C Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 5% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 10 hari dari tarikh invoice.
 - D Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 5% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invoice.
17. Berapakah harga bersih sebuah katil jika harga senarai ialah RM 1,500.00 dengan kadar diskaun perdagangan 10%? CLO2
T3
- A RM 150.00
 - B RM 1,000.00
 - C RM 1,350.00
 - D RM 1,450.00
18. Kirakan diskaun tunggal setara bagi diskaun perdagangan bersiri 30/20/5 CLO2
T3
- A 0.468 @ 46.8%
 - B 0.532 @ 53.2%
 - C 0.565 @ 56.5%
 - D 0.756 @ 75.6%

19. En. Khairul menerima invoice bertarikh 15 Mei 2024 dengan syarat kredit 5/10, CLO2
R.O.G. Item pesanan tersebut diterima pada 20 Mei 2024. Bilakah tempoh masa T3
yang layak untuk En. Khairul menerima diskaun?
- A Sebelum atau pada 25 Mei 2024
 - B Sebelum atau pada 30 Mei 2024
 - C Sebelum atau pada 02 Jun 2024
 - D Sebelum atau pada 10 Jun 2024
20. Syarikat Berjaya menerima invoice bertarikh 08 September 2024 bernilai RM CLO2
2,000.00 dengan syarat kredit 5/10, E.O.M. Berapakah jumlah yang perlu T3
dibayar sekiranya invoice tersebut dijelaskan sepenuhnya pada 02 Oktober
2024?
- A RM 1,500.00
 - B RM 1,700.00
 - C RM 1,900.00
 - D RM 2,000.00

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan : Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a. Nyatakan definisi kos tetap dan berikan **SATU (1)** contoh

CLO1
[3 markah] T1

- b. Terangkan **DUA (2)** kaedah mengira Titik Pulang Modal (TPM)

CLO1
[4 markah] T1

- c. Liyana Cookies menghasilkan biskut kacang sempena Hari Raya Aidilfitri. Maklumat jualan adalah seperti berikut:

CLO2
T1

Kuantiti jualan 10 000 unit

Harga jualan seunit RM 30.00

Kos berubah seunit RM 15.00

Kos tetap RM 20,000.00

Kirakan untung yang diperolehi jika semua produk itu terjual.

[5 markah]

- d. Perniagaan Qaisara Beauty telah mengeluarkan produk penjagaan kesihatan dan kecantikan bagi wanita. Maklumat berkaitan pengeluaran produk ini adalah seperti berikut: CLO2
T1

Kos berubah seunit	RM 7.00
Kos tetap	RM 8,000.00
Harga jualan seunit	RM 12.00

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan:

- i) Margin Caruman (MC) seunit.
[2 markah]
- ii) Nisbah Margin Caruman (NMC).
[2 markah]
- iii) Titik Pulang Modal (TPM) dalam kuantiti (unit).
[2 markah]
- iv) Titik Pulang Modal (TPM) dalam nilai (RM).
[2 markah]

Soalan 2

- a. i. Nyatakan **DUA (2)** jenis asas yang digunakan dalam pengiraan tokok harga. CLO1
T2
[2 markah]
- ii. Berikan **DUA (2)** contoh barangan bermusim.
[2 markah]
- b. i. Terangkan definisi turun harga. CLO1
T2
[2 markah]
- ii. Huraikan **DUA (2)** faktor yang menyebabkan harga barang dan perkhidmatan diturunkan harga.
[4 markah]
- c. Sebuah komputer yang dibeli daripada pembekal pada harga RM 1,500.00 telah menjualnya semula pada harga RM 1,800.00. Kirakan CLO2
T2
- i. Nilai tokok harga.
[2 markah]
- ii. Kadar tokok harga berasaskan kos.
[4 markah]
- iii. Harga jualan baru jika harga diturunkan sebanyak 10%.
[4 markah]

Soalan 3

- a. Diskaun perdagangan dan diskaun tunai merupakan insentif harga yang diberikan oleh pembekal atau penjual kepada pelanggan. CLO1
T3

- i. Nyatakan **DUA (2)** jenis diskaun perdagangan.

[2 markah]

- ii. Nyatakan **DUA (2)** syarat kredit di bawah diskaun tunai.

[2 markah]

- b. Syarikat Megah menerima invoice bernilai RM 10,000.00 untuk bekalan komputer bertarikh 10 Mac dengan syarat jualan 7/10, 5/15, n/30. Kenalpasti sama ada Syarikat Megah layak menerima diskaun tunai serta nilai kadar diskaun tunai yang layak jika invoice dijelaskan mengikut ketetapan berikut: CLO1
T3

Bil	Tarikh Invoice	Layak Diskaun / Tak Layak Diskaun	Kadar Diskaun
i.	13 Mac		
ii.	23 Mac		
iii.	01 April		

[6 markah]

- c. Seorang pembekal meja menawarkan dua pilihan pembelian kepada pembelinya. Pilihan pertama pada harga RM500.00 sebuah dengan diskaun perdagangan tunggal 30%. Pilihan kedua pada harga RM550.00 dengan diskaun perdagangan bersiri 20/5/3. Kirakan CLO2
T3

- i. Harga bersih bagi tawaran 1.

[4 markah]

- ii. Harga bersih bagi tawaran 2.

[4 markah]

- iii. Tentukan tawaran pilihan manakah lebih baik dan nyatakan sebab tawaran tersebut dipilih.

[2 markah]

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab